

23 APR 2001

MAHATHIR-RMK-8

KEUPAYAAN PENERIMA PROJEK PENSWASTAAN AKAN DITENTUKAN

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan menentukan terlebih dahulu keupayaan pihak yang akan menerima projek penswastaan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8).

"Kita akan tentukan kemampuan mereka buat projek ini. Kadang-kadang kekuatan mereka terlalu rapuh. Bila tertekan sikit, dah tak boleh pergi. Oleh itu kita kena tentukan keupayaan mereka yang akan menerima projek ini," katanya kepada pemberita selepas membentangkan RMK-8 di Parlimen, hari ini.

Antara kriteria yang akan diambilkira, katanya, termasuk kekukuhan kewangan serta latarbelakang pihak terbabit seperti pengalaman serta kebolehan mereka dalam mengendalikan projek-projek seperti ini.

Bagaimanapun, sekiranya gawat, mereka masih tidak dapat mengelak daripada menghadapi masalah juga, katanya lagi.

Terdahulu dalam pembentangan RMK-8, Dr Mahathir berkata prosedur penilaian projek akan dijalankan dengan lebih teliti termasuk menggunakan perkhidmatan pakar runding dan juruaudit bebas serta mengadakan kajian soal selidik bagi mendapatkan pandangan rakyat ke atas projek-projek yang diswastakan.

"Sekarang ini pun, kalau kita nak buat projek, jalan raya bertol umpamanya, kita kena tanya pandangan rakyat dahulu...tanya sama ada mereka mahukannya ataupun tidak", katanya.

Sementara itu, katanya, kelembapan ekonomi AS tidak menjejaskan pelaksanaan projek RMK-8 malah projek-projek tersebut akan dipertingkatkan lagi.

Perdana Menteri berkata ini adalah satu cara untuk menjanakan lagi pertumbuhan ekonomi negara, malah, projek yang belum dijadualkan juga akan dipercepatkan pelaksanaannya.

"Ini adalah langkah-langkah fiskal. Dalam kelembapan, kita kena ada belanjawan pengembangan", katanya.

Dalam pembentangan RMK-8, program penswastaan memberi keutamaan yang tinggi kepada projek-projek yang boleh merangsang pertumbuhan ekonomi dan berdaya maju serta menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat.

Selain itu, Perdana Menteri juga ditanya mengenai kesan kelembapan ekonomi AS terhadap eksport Malaysia.

Beliau berkata eksport bergantung kepada permintaan. Walaupun harga barangan diturunkan, barangan masih tidak dapat dijual kerana tiada permintaan.

Oleh itu, katanya, adalah silap bagi mereka yang mengatakan bahawa nilai ringgit harus diturunkan supaya harga-harga barangan dapat diturunkan dan dijual.

Mengenai kesan pembukaan pasaran kepada barangan Malaysia, beliau berkata" eksport Malaysia, seperti barangan pembuatan yang tidak dilindungi dijangka tidak menghadapi masalah. Hanya barangan dilindungi seperti Proton umpamanya, mungkin berdepan dengan masalah untuk menjualnya di negara ini."

-- BERNAMA

SHO ZK